



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 04 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Mangsa Gangguan Seksual Perlu Berani Buat Laporan https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140527/mangsa-gangguan-seksual-perlu-berani-buat-laporan#google_vignette https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sexual-harassment-victims-must-find-courage-report-incidents-nancy-490301 https://www.bernama.com/en/news.php?id=2347498 https://selangorjournal.my/2024/10/minister-encourages-sexual-harassment-victims-to-come-forward-report/ https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2347484 https://www.nabalunews.com/post/mangsa-gangguan-seksual-harus-berani-buat-laporan-nancy-2#google_vignette https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mangsa-gangguan-seksual-perlu-berani-buat-laporan https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-gangguan-seksual-perlu-berani-buat-laporan-nancy-490293	Harian Metro Astro Awani Bernama Selangor Journal Bernama Nabalu News Berita RTM Astro Awani	Neutral

2.	<p>Abai Ibu Bapa Boleh Didakwa</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/abai-ibu-bapa-boleh-didakwa/</p>	Utusan	Neutral
3.	<p>Pengasuh Taska Didakwa Abai Bayi Hingga Cacat Kekal</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/688930/berita/semasa/video-pengasuh-taska-didakwa-abai-bayi-hingga-cacat-kekal#google_vignette</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1306140/pengasuh-abai-kanak-kanak-didakwa-di-mahkamah</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/03/lagi-pengasuh-didakwa-abaikan-bayi-sehingga-jadi-cacat-kekal/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/03/pengasuh-didakwa-abai-bayi-sehingga-buta/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-taska-didakwa-sebabkan-bayi-cacat-kekal-490220</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/pengasuh-didakwa-abai-bayi-hingga-cacat-kekal/</p> <p>https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengasuh-mengaku-tidak-bersalah-abai-bayi-12-bulan-hingga-cedera-di-taska/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2347376</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140378/pengasuh-didakwa-abai-bayi-lelaki</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin Tv3</p> <p>Bernamea</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
4.	<p>JKM Cari Waris Bayi Yang Ditinggalkan Di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Terencat Akal</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/03/jkm-cari-waris-bayi-yang-ditinggalkan-di-pusat-jagaan-kanak-kanak-terencat-akal/#google_vignette</p>	Malaysia gazette	Neutral

5.	<p>Moga Ada Sinar Untuk Jalani Pembedahan Jantung</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140441/moga-ada-sinar-untuk-jalani-pembedahan-jantung</p>	Harian Metro	Neutral
6.	<p>Banjir Di Kedah Pulih Sepenuhnya</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/688936/edisi/utara/banjir-di-kedah-pulih-sepenuhnya</p>	Sinar Harian	Neutral
7.	<p>Baling Dilanda Banjir Kilat Lagi</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/10/1306332/baling-dilanda-banjir-kilat-lagi</p>	Berita Harian	Neutral
8.	<p>Rogol Kakak Kandung OKU Hingga Lahirkan Anak, Remaja Lelaki Dihantar Ke Sekolah Tunas Bakti</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/03/rogol-kakak-kandung-oku-hingga-lahirkan-anak-remaja-lelaki-dihantar-ke-sekolah-tunas</p> <p>https://suarasarawak.my/remaja-rogol-kakak-kandung-oku-sehingga-lahirkan-bayi/</p>	Utusan Borneo Suara Sarawak	Neutral
9.	<p>Polis Nafi Kanak-Kanak Disembelih Jiran Di Kuantan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689067/berita/semasa/polis-nafi-kanak-kanak-disembelih-jiran-di-kuantan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1306314/polis-nafi-seorang-kanak-kanak-disembelih-di-kuantan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140591/tiada-kanak-kanak-disembelih-hanya-cedera-dicucuk-garfu</p>	Sinar Harian Berita Harian Harian Metro	Neutral
10.	<p>2 Budak Lelaki Didakwa Rogol Kanak-Kanak Perempuan Usia 12 Tahun</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1305981/2-budak-lelaki-didakwa-rogol-kanak-kanak-perempuan-usia-12-tahun</p>	Berita Harian	Neutral

	<p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-remaja-didakwa-rogol-kanakkanak-12-tahun-490233</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/688941/berita/semasa/dua-remaja-didakwa-rogol-kanak-kanak-12-tahun</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/rogol-kanak-kanak-perempuan-dua-remaja-didakwa-di-mahkamah/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140315/dua-remaja-didakwa-rogol-budak-12-tahun</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p>	
11.	<p>Lima Termasuk Kanak-Kanak Terperangkap Kejadian Kepala Air Diselamatkan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/03/lima-termasuk-kanak-kanak-terperangkap-kejadian-kepala-air-diselamatkan/</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/kepala-air-lima-termasuk-kanak-kanak-terperangkap-diselamatkan-2-pagi-tadi/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lima-termasuk-kanak-kanak-nyaris-terperangkap-akibat-kepala-air</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2347303</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=vloFggD2V58</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernama</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
12.	<p>Bayi Perempuan Cedera, Polis Buka Kertas Siasatan</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/bayi-perempuan-cedera-polis-buka-kertas-siasatan-HF13079248</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689046/berita/semasa/bayi-dua-bulan-alami-endarahan-ketika-diambil-dari-rumah-pengasuh</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2347618</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/03/bayi-alami-endarahan-di-kepala-semasa-diambil-dari-rumah-pengasuh/</p>	<p>The Sun</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernama</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1140550/bayi-dua-bulan-cedera-polis-buka-kertas-siasatan</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/bayi-dua-bulan-alami-endarahan-dalam-kepala-polis-buka-kertas-siasatan/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Selangor Kini</p>	
13.	<p>Bayi Baru Lahir Dibuang Tepi Sungai</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/688914/berita/semasa/bayi-baru-lahir-dibuang-tepi-sungai</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/03/mayat-bayi-perempuan-dilahirkan-warga-asing-dibuang-tepi-sungai/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buang-bayi-baru-lahir-di-taiping-lelaki-warga-nepal-ditahan-490207</p> <p>https://suarasarawak.my/mayat-bayi-perempuan-ditemukan-di-tepi-sungai-lelaki-warga-nepal-ditahan/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/03/mayat-bayi-perempuan-ditemukan-di-tepi-sungai-lelaki-warga-nepal-ditahan</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/buang-mayat-bayi-pasangan-kekasih-warga-asing-ditahan/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/buang-bayi-lelaki-warga-nepal-ditahan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/03/buang-mayat-bayi-tepi-sungai-pasangan-warga-kemboja-nepal-ditahan/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/10/1305989/wanita-kemboja-kekasih-warga-nepal-ditahan-buang-mayat-bayi-baru-lahir</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>FMT</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

<p>14.</p>	<p>Wanita Lembam Diculik Dua Lelaki Bangladesh Ketika Jogging</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/689023/berita/semasa/wanita-lembam-diculik-dua-lelaki-bangladesh-ketika-joging</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-oku-diselamat-selepas-dipukul-diculik-jiran-warga-bangladesh-490251</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/03/wanita-oku-diculik-jiran-warga-bangladesh-dipukul-guna-tukul/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/03/wanita-oku-diculik-dan-dipukul/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/10/wanita-lembam-diculik-kepala-dihentak-tukul-oleh-dua-lelaki-bangladesh/</p> <p>https://www.melakahariini.my/wanita-keluar-berjoging-dipukul-dikurung-dalam-bilik-jiran/#google_vignette</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/721424#google_vignette</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1140422/gadis-oku-diculik-jiran-warga-asing</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/03/polis-tahan-2-lelaki-bangladesh-culik-kurung-wanita-oku/</p> <p>https://wartaoriental.com/2024/10/03/wanita-oku-diculik-kepala-dihentak-tukul-oleh-dua-lelaki-bangladesh/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=SgNfLTAEi7A</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Utusan Malaysia</p>	<p>Neutral</p>
<p>15.</p>	<p>Wanita Diperdaya RM485,100 Akibat Terjerat Dengan Mr Jimmy</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/03/wanita-diperdaya-rm485100-akibat-terjerat-dengan-mr-jimmy/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	<p>Neutral</p>

	https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/wanita-rugi-lebih-rm485000-ditipu-mr-jimmy/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/03/warga-emas-rugi-lebih-rm485000-terpedaya-job-scam/ https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perunding-kecantikan-rugi-lebih-rm480000-terperdaya-job-scam-dalam-talian-490269	Utusan Astro Awani	
16.	4 Beradik Tak Bersekolah Kerana Ibu, Bapa Tak Daftar Nikah https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/05975/4-beradik-tak-bersekolah-kerana-ibu-bapa-tak-daftar-nikah	Berita Harian	Neutral
17.	Ibu Tidak Tidur Lena Norasmidah Masih Belum Pulang https://www.kosmo.com.my/2024/10/03/ibu-tak-tidur-lena-norasmidah-belum-pulang/	Kosmo	Neutral
18.	Warga Emas Melecur Dalam Kebakaran Rumah Pondok https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/03/warga-emas-melecur-dalam-kebakaran-rumah-pondok https://utusansarawak.com.my/warga-emas-melecur-rumah-pondok-musnah-dalam-kebakaran/	Utusan Borneo Utusan Sarawak	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

MANGSA GANGGUAN SEKSUAL PERLU BERANI BUAT LAPORAN



Sungai Petani: Individu yang menjadi mangsa gangguan seksual perlu berani tampil membuat laporan menerusi platform undang-undang yang disediakan oleh kerajaan agar tindakan boleh diambil terhadap pelaku.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata sekiranya laporan tidak dibuat, tindakan undang-undang juga tidak dapat dilaksanakan.

"Pada tahun ini hingga Ogos, kita menerima laporan sebanyak 442 kes gangguan seksual ... saya tidak pasti ia bilangan yang besar kerana mungkin realitinya lebih daripada itu, namun mangsa tidak tampil melaporkan.

"Kita juga tidak mahu bilangan ini menjadi satu bilangan yang normal atau bilangannya akan bertambah dari semasa ke semasa ... kalau tidak mahu buat laporan polis agar tindakan jenayah dapat diambil, mangsa boleh mengambil tindakan sivil melalui Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS)," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menyempurnakan perasmian penutup Program Bitara INTAN: Seminar Antigangguan Seksual di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Utara dekat sini hari ini.

NANCY-GANGGUAN 2 (AKHIR) SUNGAI PETANI

Mengulas lanjut, Nancy berkata berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan pada 2022 adalah sebanyak 422 kes dan meningkat kepada 460 kes pada 2023.

Beliau berkata pertambahan jumlah kes yang dilaporkan itu menunjukkan peningkatan kesedaran orang ramai yang menjadi mangsa gangguan untuk membuat laporan.

"Pihak media juga diharap dapat memainkan peranan dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai. Kalau kita tak buat advokasi, tidak melaporkannya, lebih ramai orang yang tidak mengetahui dan tidak menyedari mengenai perkara ini," katanya.

Nancy berkata sepanjang program advokasi dijalankan, kira-kira 1,000 kes datang ke TAGS dan 300 daripadanya membabitkan pengadu lelaki.

"Mereka tampil membuat laporan dan kaunselor kita akan cuba membantu memberikan nasihat sebelum mengambil tindakan selanjutnya ... setiap kes yang dilaporkan akan didengar terlebih dahulu sama ada sah atau tidak untuk diteruskan (perbicaraan) dan diambil tindakan.

"Kita sudah ada 10 kes yang didengar ... tiga daripadanya sudah ada keputusan, dua kes dapat dibuktikan manakala satu ditolak kerana tiada bukti kukuh dikemukakan (selebihnya masih dalam tindakan) ... kita berlaku adil untuk memastikan tidak ada orang yang menyalahgunakan prosedur yang ada dalam peruntukan undang-undang," katanya.– BERNAMA

PENGASUH TASKA DIDAKWA ABAI BAYI HINGGA CACAT KEKAL

MELAKA - [DIKEMAS KINI] Seorang pengasuh taman asuhan kanak-kanak (taska) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, pada Khamis atas tuduhan mengabaikan hingga menyebabkan seorang bayi lelaki mengalami cacat kekal, tahun lalu.



Sesiyen pada Khamis.

Siti Salwa (tengah) ketika dibawa keluar dari Mahkamah

Tertuduh, Siti Salwa Rezuan, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan iaitu pengasuh kepada seorang bayi lelaki berusia setahun telah mengabaikan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah taska di Taman Pertam Jaya, Semabok di sini, kira-kira jam 2.30 petang pada 27 Oktober tahun lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 3(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak lebih RM50,000, jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Asnini Kamarudin mencadangkan jaminan sebanyak RM20,000 dikenakan terhadap tertuduh.

Tertuduh diwakili peguam Mohd Nazri Abd Hamid merayu anak guamnya diberikan jaminan rendah RM5,000 memandangkan tertuduh hanya bekerja sebagai pengasuh dengan pendapatan RM1,700 sebulan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin selain menetapkan syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri sekali setiap bulan di balai polis berhampiran dan tidak mendekati atau mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Mahkamah turut menetapkan tarikh 14 November depan sebagai sebutan semula kes.

Sinar Harian pada 1 November tahun lalu melaporkan seorang bayi lelaki berusia setahun sembilan hari kritikal akibat pendarahan di kepala selepas didakwa tidak sedarkan diri ketika berada di taska itu.

Sementara itu, bapa mangsa berusia 31 tahun ketika dihubungi pemberita pada Khamis memaklumkan, susulan kejadian itu anaknya kini mengalami cacat kekal dan dikategorikan orang kurang upaya (OKU).

Jelasnya, bayinya hanya terlantar dan terpaksa diberikan makanan dan minuman melalui tiub.

JKM CARI WARIS BAYI YANG DITINGGALKAN DI PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK TERENCAT AKAL



KUANTAN – Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuantan sedang mengesan waris seorang bayi perempuan yang berusia 25 hari yang ditinggalkan di Alor Akar baru-baru ini.

Ia susulan bayi perempuan baru dilahirkan ditemui oleh orang awam berhampiran Pusat Jagaan Kanak-kanak Terencat Akal, di sini, 5 September lalu.

“Pelindung sedang mengesan waris kanak-kanak atau orang ramai yang mengenali keluarga kanak-kanak.

“Sesiapa yang mengetahui berkaitan kanak-kanak dipohon untuk menghubungi Pelindung kanak-kanak Puan Nor Hafilah Hashim di talian 09-5672 4225,” katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh PKMD Kuantan hari ini.

Ketika kejadian bayi berkenaan ditemui masih bernyawa pada jam 7.43 pagi di dalam sebuah beg dan tergantung di pagar pusat jagaan terbabit.

Susulan itu, orang awam telah membuat laporan polis sebelum memanjangkan sebelum memaklumkan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang. – MalaysiaGazette

ROGOL KAKAK KANDUNG OKU HINGGA LAHIRKAN ANAK, REMAJA LELAKI DIHANTAR KE SEKOLAH TUNAS BAKTI

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini hari ini memerintahkan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun dihantar ke Sekolah Tunas Bakti Kuching selepas mengaku bersalah merogol kakak kandung orang kelainan upaya (OKU) hingga melahirkan anak.

Perintah itu dikeluarkan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan setelah meneliti fakta dan keterangan kes, selain mendengar laporan akhlak yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini.

Mahkamah menetapkan pesalah muda yang didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan itu untuk dihantar ke sekolah terbabit selama tiga tahun.

Selain itu, mahkamah juga mengarahkan tertuduh untuk diletakkan di bawah pengawasan oleh Pegawai Akhlak atau Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak selama setahun selesai menjalani hukuman.

Fakta kes mendedahkan pada 10 Mac 2024, pengadu iaitu bapa tertuduh mendapati anak remaja perempuannya yang berusia 16 tahun (mangsa) mengandung dan seterusnya bertindak membuat laporan polis untuk siasatan lanjut.

Mangsa yang merupakan OKU terlantar itu kemudiannya dilapor melahirkan bayi pada 12 April 2024.

Susulan itu, satu spesimen yang dikumpul daripada mangsa dan tertuduh telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis.

Ujian perbandingan DNA dijalankan oleh pegawai analisis pada 13 Mei 2024 dan keputusan ujian mengesahkan bayi tersebut adalah anak tertuduh.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap pada 26 Mei 2024.

Siasatan lanjut polis kemudian mendapati tertuduh merogol mangsa sekitar bulan Jun hingga Julai 2023 di sebuah rumah di Jalan Perkuburan Batu 10, Jalan Matang di sini.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Mohd Adzmei Ahmad sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

LIMA TERMASUK KANAK-KANAK TERPERANGKAP KEJADIAN KEPALA AIR DISELAMATKAN

KUALA LUMPUR – Lima individu termasuk seorang kanak-kanak berjaya diselamatkan setelah terperangkap dalam kejadian kepala air yang berlaku di sebuah sungai di Kampung Batu, 10, Cheras malam tadi.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu pukul 9.05 malam tadi.

Seramai enam anggota serta sebuah jentera dari Pasukan penyelamat dari balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Hussin Onn tiba di lokasi sebaik menerima panggilan kecemasan.

“Lima mangsa terdiri daripada tiga lelaki dewasa berusia 30-an, seorang wanita dewasa, 28 tahun dan kanak-kanak berusia lima tahun.

“Peralatan tangga digunakan untuk membantu mangsa menyeberangi sungai,” katanya dalam satu kenyataan.

Kesemua mangsa berjaya diselamatkan dan tidak mengalami sebarang kecederaan.
– MalaysiaGazette

WANITA LEMBAM DICULIK DUA LELAKI BANGLADESH KETIKA JOGGING



Seorang wanita Orang Kurang Upaya (OKU) lembam yang dipercayai diculik ketika keluar berjoging, ditemukan di sebuah bilik asrama warga asing di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh di sini pada Selasa lepas.

MELAKA - Seorang wanita Orang Kurang Upaya (OKU) lembam yang dipercayai diculik ketika keluar berjoging, ditemukan di sebuah bilik asrama warga asing di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh di sini pada Selasa lepas.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisiner Christopher Patit berkata, mangsa OKU lembam berusia 22 tahun itu diselamatkan ibu dan jirannya pada 7.30 malam ketika keluar mencarinya di sekitar kawasan terbabit.

"Siasatan awal mendapati semasa mangsa melalui belakang sebuah rumah berhampiran kediamannya, dua lelaki warga Bangladesh berumur 20 dan 36 tahun telah menarik mangsa ke dalam rumah itu dan memukul kepala menggunakan tukul besi.

"Selepas itu, mangsa tidak sedarkan diri ... tangan dan kaki mangsa juga diikat menggunakan wayar pengecas telefon bimbit," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, dalam kejadian 7 malam itu, mangsa dikatakan telah keluar berjoging di kawasan berhampiran rumahnya, setelah lama tidak pulang ke rumah, emak mangsa dan jirannya mencari mangsa di kawasan berhampiran dan

bertanyakan kepada penghuni lain sebelum menjumpai mangsa di dalam bilik tidur di rumah terbabit.

"Rumah itu dipercayai dijadikan tempat tinggal warganegara asing yang bekerja sebagai buruh binaan ... siasatan di tempat kejadian mendapati tiada sebarang kesan darah, namun polis menemukan sebatang tukul besi dan wayar pengecas telefon yang dipotong di bilik terbabit," katanya.

Christopher berkata, bagaimanapun, tiada rakaman sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan itu dan saksi bebas yang melihat kejadian berlaku.

Beliau berkata, dua suspek warga asing terbabit berjaya ditahan di tepi jalan di Batu Berendam semalam dan direman selama empat hari bermula hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 324 dan Seksyen 342 Kanun Keseksaan.

"Mangsa yang mengalami cedera di kepala sedang dirawat di Hospital Melaka serta berada dalam keadaan stabil dan tidak serius," katanya. - Bernama

WANITA DIPERDAYA RM485,100 AKIBAT TERJERAT DENGAN MR JIMMY

TANGKAK – Seorang wanita kerugian RM485,100 selepas diperdaya kononnya tidak membayar cukai pendapatan dan akan ditangkap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) bila-bila masa.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superitendan Roslan Mohd Talib berkata, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tangkak menerima laporan berhubung kejadian tersebut daripada mangsa kelmarin.

"Mangsa mendakwa menjadi mangsa penipuan job scam. Semuanya bermula pada Julai lalu selepas dia menerima mesej daripada suspek supaya memuat naik aplikasi We Sing.

"Seterusnya mangsa memuat naik video nyanyian untuk mendapat ganjaran berupa gift," katanya dalam satu kenyataan di sini malam tadi.

Mangsa kemudian dihubungi suspek bernama Mr Jimmy dan mendakwa pemilik aplikasi We Sing telah ditangkap oleh pihak SPRM.

Suspek, kata Roslan, telah menakutkan mangsa dengan mendakwa wanita tersebut tidak membayar cukai pendapatan persendirian berjumlah RM200,000.

Mangsa juga diugut boleh ditangkap pihak SPRM pada bila-bila masa.

Terpedaya dan takut dengan ugutan tersebut, wanita berkenaan bermula 10 Julai sehingga 30 September lalu membuat bayaran ke dalam 19 akaun suspek.

Semuanya melibatkan 64 transaksi melalui mesin ATM sebelum mangsa menyedari telah ditipu setelah menceritakan perkara tersebut kepada anaknya.

Tambah Roslan, kes disiasat bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan minimum setahun dan maksimum 10 tahun dan dengan sebatan serta boleh didenda.

“Polis Daerah Tangkak menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan sebarang tawaran secara atas talian yang diberikan.

“Dapatkan maklumat berkaitan modus operandi jenayah komersil terkini dengan mengikuti laman sosial Jabatan Siasatan Jenayah Komersil menerusi Facebook, Instagram dan TikTok,” ujarnya.

Sekiranya menjadi mangsa penipuan katanya, hubungi National Scam Response Centre menerusi talian 997 dengan segera sebagai tindakan awal untuk menyekat pengaliran keluar wang daripada akaun suspek. – MalaysiaGazette